

## **PROMOSI DEPOSIT TETAP-i DENGAN AKAUN SEMASA ATAU SIMPANAN-i**

### **TEMPOH PROMOSI**

**“Promosi Deposit-i Tetap dengan Akaun Semasa atau Simpanan-i” (“Promosi”)** Hong Leong Islamic Bank Berhad [200501009144 (686191-W)] (**“HLISB”**) bermula pada 1 Januari 2021 dan berakhir pada 31 Mac 2021, termasuk kedua-dua tarikh atau apabila mencapai Had Saiz Dana seperti mana ditakrif menurut Fasal 13 di bawah ini, mengikut mana yang dahulu (**“Tempoh Promosi”**), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut (**“T&Cs”**):

### **KELAYAKAN**

1. Promosi terbuka kepada seluruh pelanggan HLISB, termasuk tetapi tidak terhad kepada pemastautin warga negara Malaysia dan bukan warga negara Malaysia, individu dan bukan individu, baharu dan sedia ada (**“Pelanggan”**).
2. Bagi tujuan Promosi ini:
  - (i) Pelanggan Baharu bermaksud pelanggan yang tidak memegang sebarang produk dengan HLISB dan/atau Hong Leong Bank Berhad (**“HLB”**) sebelum Tempoh Promosi.
  - (ii) Pelanggan Sedia Ada bermaksud pelanggan yang memegang sebarang produk dengan HLISB/HLB sebelum Tempoh Promosi.
  - (iii) Pelanggan Bukan Individu bermaksud persatuan, kelab, sekolah, pertubuhan, organisasi bukan untung, empunya tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad dan amalan profesional, didaftarkan atau diperbadankan di Malaysia, **tidak termasuk syarikat dan pertubuhan perbadanan**.
3. Akaun Deposit Tetap-i (**“FD-i”**) sertaan (**“Akaun FD-i Sertaan”**) bagi Promosi ini adalah seperti di bawah ini:
  - (a) Deposit Tetap-i Hong Leong
4. Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i sertaan (**“CASA-i” Sertaan**) bagi Promosi ini adalah seperti berikut:
  - (a) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong;
  - (b) Akaun Simpanan-i Hong Leong;
  - (c) Akaun Simpanan Multi-tier-i Hong Leong; dan
  - (d) Akaun Pay&Save-i Hong Leong
5. Promosi ini terbuka kepada Dana Baharu sahaja. “Dana Baharu” ditakrif sebagai:
  - (a) Wang Tunai, Financial Process Exchanges (**“FPX”**), pindahan segera, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan bertelegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank-bank lain yang didepositkan ke dalam Akaun Deposit Tetap-i (**“FD-i”**) HLISB, Akaun Semasa atau Akaun Simpanan HLB, Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (**“CASA/CASA-i”**) HLISB Pelanggan yang sedia ada atau baharu; dan
  - (b) Hasil daripada penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Promosi yang didepositkan semula ke dalam mana-mana **CASA/CASA-i** Pelanggan.
6. Bagi tujuan Promosi ini, semua Dana Baharu hendaklah diletak dan didepositkan ke dalam Akaun FD-i Sertaan Pelanggan dan CASA-i Sertaan dalam masa tujuh (7) hari dari ketersediaan Dana Baharu.
7. Yang berikut ini tidak dianggap “Dana Baharu”:
  - (a) FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang FD/FD-i daripada mana-mana akaun FD/FD-i HLB/HLISB sedia ada;
  - (b) Pindahan dana intra bank, yakni pindahan dana daripada akaun HLB/HLISB yang lain (sama ada Akaun Simpanan, Simpanan-i, Semasa, Semasa-i, FD, FD-i, Akaun Pelaburan Bertempoh-i atau Akaun Pelaburan Am (**“GIA”**)); dan
  - (c) Pindahan antara/atau intra cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan akaun pihak ketiga (ke-3).

8. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLISB atau telah diisytiharkan muflis atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi.
9. Pelanggan yang telah melakukan atau ditentukan oleh HLISB berpotensi melakukan apa-apa kesalahan yang dinyatakan di dalam ini akan serta-merta terlucut kelayakan daripada menyertai Promosi.

### **KAEDAH PROMOSI**

10. Supaya layak mjenikmati Kadar FD-i Promosi yang sepadan seperti dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah, Pelanggan hendaklah, semasa Tempoh Promosi:
  - (a) menandatangani amaun seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah ini ke dalam Akaun FD-I Sertaan ("**Amaun Letakan FD-i**") dengan Tempoh FD-i selama 3 bulan atau 6 bulan. Deposit tersebut hendaklah disebut "Letakan FD-i"; dan
  - (b) menandatangani amaun seperti tertera dalam Jadual 1 di bawah ini ke dalam mana-mana CASA-i Sertaan ("**Amaun Letakan CASA-i**") atas nama Pelanggan ("**CASA-i Dinamakan**") dengan tempoh peruntuk minimum selama tiga (3) bulan berturut-turut bagi FD-i Bertempoh 3 bulan atau enam (6) bulan berturut-turut bagi FD-i Bertempoh 6 bulan ("**Tempoh Peruntuk**"). Deposit sedemikian hendaklah disebut "Letakan CASA-i".
11. Letakan dan peruntukan CASA-i hendaklah dibuat serentak dengan Letakan FD-i semasa Tempoh Promosi. Sekiranya Letakan CASA-i dan/atau Letakan FD-i dibatalkan, dialihkan/dikeluarkan (sebahagian atau keseluruhan) atau dilepaskan dalam masa Tempoh Peruntuk dan/atau dalam masa Tempoh FD-i atas apa jua sebab sekalipun (kecuali seperti mana diperuntukkan di bawah Fasal 17 dan 18 di dalam ini), maka kadar niaga FD-i semasa hendaklah diguna pakai kepada seluruh Letakan FD-i.

Jadual 1

Tempoh	Kadar <sup>1</sup> Promosi FD-i	Amaun Letakan	Kadar Keuntungan Efektif <sup>2</sup>			
			Pay&Save-i	Normal SA-i	Basic SA-i	Multi-tier SA-i
3 bulan & 6 bulan	2.50% setahun	FD-i: RM10K dan CASA-i: RM1K	2.39%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.
		FD-i: RM50K dan CASA-i: RM5K	2.39%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.
		FD-i: RM100K dan CASA-i: RM10K	2.39%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.
		FD-i: RM200K dan CASA-i: RM20K	2.39%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.
		FD-i: RM500K dan CASA-i: RM50K	2.39%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.
		FD-i: RM1mil dan CASA-i: RM100K	2.39%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.
		FD-i: RM2mil dan CASA-i: RM200K	2.34%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.
		FD-i: RM5mil dan CASA-i: RM500K	2.30%p.a.	2.27%p.a.	2.30%p.a.	2.27%p.a.

<sup>1</sup> Jika Kadar Dasar Semalaman (OPR) berubah, Kadar FD-i Promosi mungkin dipinda.

<sup>2</sup> Kadar Efektif berubah mengikut Amaun Letakan FD-i, Amaun Letakan CASA-i dan jenis CASA-i Dinamakan. Jika OPR berubah, kadar efektif mungkin dipinda.

12. Bagi tujuan Promosi ini, Pelanggan yang telah memenuhi segala kriteria menurut Fasal 10 di atas ini hendaklah disebut "Pelanggan Berhak".
13. Had saiz dana bagi FD-i berkenaan adalah seperti tertera dalam Jadual 2 di bawah ("**Had Saiz Dana**"):

Jadual 2

Deposit Tetap-i ("FD-i")	Had Saiz Dana
Deposit Tetap-i 3 bulan	RM105 juta
Deposit Tetap-i 6 bulan	RM270 juta

14. Sekiranya mana-mana Amaun Letakan FD-i melebihi Amaun Letakan FD-i Maksimum yang ditetapkan atau jika Had Saiz Dana telah dicapai, maka Amaun Letakan FD-i yang melebihi Amaun Letakan FD-i Maksimum yang ditetapkan atau Had Saiz Dana akan tertakluk kepada kadar niaga FD-i semasa seperti mana ditentukan oleh HLISB.

15. Keuntungan yang diperoleh bagi FD-i akan dikreditkan ke dalam CASA-i Dinamakan Pelanggan Berhak pada tarikh matang.
16. Pada tarikh matang, Amaun Letakan FD-i pokok hendaklah diperbaharui secara automatik pada kadar niaga FD-i semasa masing-masing, dan keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam CASA-i Dinamakan Pelanggan Berhak pada tarikh matang, jika berkenaan.
17. Tertakluk kepada Fasal 18 di dalam ini, pengeluaran sebahagian Amaun Letakan FD-i dibenarkan dengan amaun minimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dan dengan gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja. Sekiranya amaun FD-i itu kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**, pengeluaran sebahagian tidak dibenarkan bagi akaun tersebut. Walau apa pun, Amaun Letakan CASA-i hendaklah dikekalkan sepanjang Tempoh Peruntuk.
18. Sekiranya Amaun Letakan FD-i ditarik keluar sebelum tarikh matang Tempoh FD-i, sama ada keseluruhan atau sebahagian, maka tiada keuntungan akan dibayar atas amaun dikeluarkan sebahagian atau pengeluaran pramatang FD-i itu.
19. HLISB berhak memotong dan mendebit satu amaun yang setara dengan keuntungan dibayar kepada Pelanggan Berhak bagi Amaun Letakan FD-i yang dikeluarkan pramatang daripada Amaun FD-I Pokok.
20. Pelanggan dianggap telah bersetuju untuk menepikan haknya untuk menuntut harga jualan penuh bagi apa-apa pengeluaran FD-i sebelum tarikh matang
21. Amaun Letakan FD-i Promosi TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan mendapatkan apa-apa kemudahan kredit yang diperoleh atau akan diperoleh oleh Pelanggan Berhak.
22. Promosi ini TIDAK sah dengan mana-mana promosi lain sedang berlangsung yang ditawarkan oleh HLISB dari semasa ke semasa.

## **UMUM**

23. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan bersetuju:
  - (i) telah membaca, memahami dan akan mematuhi T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam dan Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Hong Leong;
  - (ii) keputusan HLISB atas segala hal berkaitan dengan Promosi adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan;
  - (iii) mengakses laman web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Web HLISB**") dari semasa ke semasa untuk menyemak T&Cs Promosi dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&Cs;
  - (iv) keuntungan yang diperoleh tidak boleh ditukar milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barangan; dan
  - (v) untuk bertanggungjawab dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka menurut undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi.
24. HLISB berhak:
  - (i) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan kerana tidak mematuhi T&Cs di dalam ini;
  - (ii) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda mana-mana atau kesemua T&Cs yang terkandung di dalam ini atau menamatkan Promosi atas budi bicara HLISB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLISB atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLISB pada bila-bila masa setelah memberi notis awal; dan
  - (iii) melupuskan keuntungan yang diperoleh sekiranya Pelanggan Berhak tidak mematuhi T&Cs di dalam ini dan/atau Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam dan Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Hong Leong.
25. T&Cs di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam dan Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Hong Leong hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan Terma dan Syarat Deposit Tetap-i Hong Leong atau

Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Deposit Pebankan Islam, maka T&Cs tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

26. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&Cs di dalam ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Promosi, maka T&Cs muktamad seperti mana dalam Laman Web HLISB akan diutamakan.
27. T&Cs adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
28. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.

**Produk-produk Deposit-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.**